

BEBERAPA KEPERCAYAAN MASYARAKAT BUGIS DALAM UPACARA  
PERKAHWINAN

RAHMINAH MUHARAM

SKIM PENYELIDIK MUDA 90/98

PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2000



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## Bab I

### Sinopsis

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa kepercayaan masyarakat Bugis di Sabah yang berhubung kait dengan perkahwinan. Kepercayaan-kepercayaan tersebut yang lebih tertumpu pada *ade'* (adat) perkahwinan dapat dibahagikan kepada dua iaitu *esoteric syncretism* dan *practical syncretism*. Kedua-dua bahagian ini mempunyai percampuran elemen-elemen sebelum dan selepas kedatangan Islam. Di samping itu, pelaksanaan *ade'* (adat) perkahwinan masyarakat Bugis yang masih diamalkan didasari oleh pegangan mereka kepada konsep *panngaderreng* yang juga disebut sebagai sistem adat merangkumi lima elemen penting iaitu; i. *Ade'*, ii. *Bicara*, iii. *Rapang*, iv. *Wari*, v. *Sara'*. Kelima-lima unsur ini saling berkaitan dalam membentuk pemikiran masyarakat Bugis yang dipraktikkan melalui rasa harga diri yang amat tinggi menerusi konsep *siri'* (haraga diri). Unsur-unsur amalan kepercayaan dalam upacara perkahwinan banyak mempunyai percampuran *ade'* (adat) dan juga *sara'* (syariah Islam) yang juga merupakan dua intipati dalam *panngaderreng*. Selain itu, terdapat beberapa perubahan dalam upacara perkahwinan disebabkan pertembungan krisis kebudayaan tradisional Indonesia dan kebudayaan moden pada zaman renaissance. Proses asimilisasi sosial dan adaptasi budaya yang sedikit sebanyak mempengaruhi pandangan dan pengamalan mereka dalam upacara perkahwinan. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan ilmu kepada masyarakat umum yang ingin mendekati dan memahami masyarakat Bugis secara mendalam. Di samping itu, hasil kajian ini merupakan satu panduan asas bagi kajian lanjut mengenai konsep dan pengamalan kepercayaan masyarakat Bugis yang berkaitan dengan falsafah etika moden.